

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HGM 331 Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Apakah maksud 'kontinuum desa-bandar' menurut Louis Wirth? Bahaskan pendapat beliau mengenai gaya hidup bandar.
2. Bagaimanakah sesuatu sistem bandar berkembang? Bincangkan dengan merujuk kepada faktor lokasi dan fungsi-fungsi bandar.
3. Dengan membandingkan negara maju dan negara sedang membangun, bincangkan pembandaran pada era selepas industri.

BAHAGIAN B

4. Bincangkan unsur-unsur utama strategi pembangunan bandar di Malaysia sejak Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) hingga sekarang.
5. Senaraikan fungsi-fungsi pembangunan bandar-bandar kecil di negara sedang membangun menurut Rondinelli (1984). Pada pendapat anda sejauh manakah strategi pembangunan bandar-bandar kecil di Malaysia boleh membantu ke arah pembangunan nasional yang lebih merata?

6. Apakah ciri-ciri penting pekerjaan golongan miskin di bandar-bandar negara sedang membangun? Bincangkan pro dan kontra polisi yang bertujuan untuk membantu sektor tidak formal di bandar.
  
7. Huraikan strategi perumahan untuk golongan miskin di bandar-bandar negara sedang membangun seperti yang disarankan oleh Linn (1983). Adakah strategi ini sesuai untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah setingan di bandar-bandar di Malaysia?

-oooOOOooo-